

# AFIDIL TABLETS

(Triprolidine hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (2.5mg/60 mg))

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **AFIDIL TABLETS**
2. Bagaimana **AFIDIL TABLETS** berfungsi
3. Sebelum mengambil **AFIDIL TABLETS**
4. Cara menggunakan **AFIDIL TABLETS**
5. Semasa menggunakan **AFIDIL TABLETS**
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **AFIDIL TABLETS**
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa persoalan biasa tentang **AFIDIL TABLETS**.

Risalah ini tidak mengandungi semua maklumat yang sedia ada. Ia juga tidak menggantikan perbincangan antara anda dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang **AFIDIL TABLETS**, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu merujuknya semula.

## Apakah kegunaan **AFIDIL TABLETS**

**AFIDIL TABLETS** digunakan untuk melegakan gejala-gejala gangguan saluran pernafasan atas seperti rinitis (radang membran mukus dalam hidung) alergi dan vasomotor (bukan alergi), selsema biasa dan influenza.

Ubat ini adalah untuk kegunaan orang dewasa dan kanak-kanak (umur melebihi 12 tahun).

## Bagaimana **AFIDIL TABLETS** berfungsi

**AFIDIL TABLETS** mengandungi *Tripolidine* dan *Pseudoephedrine*. *Pseudoephedrine* adalah dekongestan yang berfungsi dengan menyempitkan

saluran darah dalam hidung untuk melegakan penyumbatan hidung dan *triprolidine* merupakan antihistamina yang membantu menghentikan bersin dan hidung berair. *Tripolidine* berfungsi dengan menghalang kesan-kesan bahan yang dipanggil histamina yang dihasilkan dalam badan apabila anda alah kepada sesuatu.

## Sebelum mengambil **AFIDIL TABLETS**

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil **AFIDIL TABLETS** jika anda:

- alah (hipersensitif) kepada *triprolidine* dan *pseudoephedrine* atau mana-mana bahan-bahan kandungan lain ubat ini (lihat bahagian **Maklumat Lanjut**)
- ada tekanan darah yang sangat tinggi
- ada penyakit jantung yang teruk
- ada masalah hati yang teruk
- sedang mengambil atau telah ambil dalam dua minggu lepas, ubat untuk kemurungan dikenali sebagai Perencat *Monoamine Oxidase* (MAOIs)

## *Mengandung dan penyusuan bayi*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, cuba untuk hamil atau menyusukan bayi. *Pseudoephedrine* dan *triprolidine* dikumuhkan dalam susu ibu.

Tanya doktor anda sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil **AFIDIL TABLETS**, bincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda telah diusik.

Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

Jika telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan.

- *Sebelum mula mengambil*

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil **AFIDIL TABLETS** jika anda mengalami :

- tekanan darah tinggi atau penyakit jantung
- kencing manis atau jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap sesetengah jenis gula
- kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- pembesaran prostat
- masalah hati atau buah pinggang

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil, baru-baru ini ada ambil atau mungkin akan mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diambil tanpa preskripsi.

Perlu berhati-hati jika anda mengambil:

- alkohol
- ubat penenang (ubat yang digunakan untuk merawat keresahan dan ketegangan)
- antihipertensif (ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi seperti *guanethidine*, *methyl dopa*, perencat *alpha* dan *beta*, *debrisoquine*, *bretylum* dan *betanidine*)
- anti-kemurungan *tricyclic* (digunakan untuk merawat gangguan emosi)
- ubat simpatomimetik (perangsang atau penahan selera makan dan ubat yang digunakan untuk merawat hidung tersumbat)
- furazolidone (antibakteria)

## Cara menggunakan **AFIDIL TABLETS**

Sentiasa ambil ubat ini tepat seperti yang dinyatakan di dalam risalah ini atau seperti doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda.

Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa, termasuk warga emas, dan kanak-kanak > umur 12 tahun: Satu tablet diambil 3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

**AFIDIL TABLETS** boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Doktor atau ahli farmasi anda akan dapat memberitahu anda, bila anda perlu mengambil ubat anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil tablet anda seberapa lama yang doktor anda memberitahu anda. Jangan berhenti mengambil tablet anda hanya kerana anda berasa lebih baik.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda atau Pusat Maklumat Racun untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau sesiapa sahaja yang telah mengambil terlalu banyak **AFIDIL TABLETS**. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan pening, gangguan koordinasi otot, lemah, keresahan, kadar degupan jantung yang cepat, demam panas, gegaran, sawan, tekanan darah tinggi, pernafasan cetek, kerengsaan, hiperaktif, lesu dan kekeringan kulit dan selaput mukus.

**Semasa menggunakan AFIDIL TABLETS**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doctor

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Jika anda akan memulakan sebarang ubat-ubatan baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil **AFIDIL TABLETS**.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau menukar dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila ambil perhatian sebelum memandu, menggunakan jentera atau mengambil bahagian dalam aktiviti yang berbahaya sehingga anda tahu bagaimana **AFIDIL TABLETS** memberi kesan kepada anda .

Ubat ini boleh menyebabkan anda mengantuk. Jika terjejas, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, **AFIDIL TABLETS** boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana yang berikut dan mereka membimbangkan anda:

- ketidakupayaan untuk tidur (*insomnia*)
- halusinasi (melihat, merasa atau mendengar perkara-perkara yang tidak ada )

- ruam kulit dengan atau tanpa iritasi
- pengumpulan air kencing (kebanyakannya pada lelaki dengan masalah prostat)
- mengantuk
- kadar degupan jantung yang cepat
- kekeringan di mulut, hidung dan tekak.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

**Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau melawat laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*).**

**Cara penyimpanan dan pelupusan AFIDIL TABLETS**

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30 ° C, dilindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Jauhkan dari jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak patut dilupuskan melalui air kumuhan atau bahan buangan rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut**

- Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat, rata, bergaris dan bersisi serong, bergaris di satu sisi dan di cetak timbul 'Ranbaxy' di sisi lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

*Tripolidine Hydrochloride dan Pseudoephedrine Hydrochloride.*

- Bahan-bahan tidak aktif

*Maize Starch, Lactose Monohydrate, Purified Water,*

*Methyl Paraben, Propyl Paraben,  
Sorbic Acid, Magnesium Stearate,  
Purified Talc.*

- Nombor MAL

MAL19910032AZ

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

**RANBAXY (Malaysia) SDN. BHD.**  
Lot 23, Bakar Arang Industrial Estate,  
08000 Sungai Petani, Kedah  
Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

23/11/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)231115/00446